

**Oleh :** DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
**Tempat :** HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA  
**Tarikh :** 26-05-2005  
**Tajuk :** SEMINAR MEMPERKUKUHKAN MEKANISME PENYAMPAIAN  
PROGRAM KEUSAHAWANAN FELDA

Teks Ucapan Perasmian Oleh  
Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
Di Seminar Memperkukuhkan Mekanisme Penyampaian  
Program Keusahawanan Felda  
Di Hotel Marriott Putrajaya  
Pada : 26 Mei 2005

-----  
Bismillahirrahmanirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, dengan izin Allah juga, kita dapat bersama-sama pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi, Pengarah Besar dan seluruh kepimpinan FELDA di atas peluang yang amat bermakna bagi saya, untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan, dan merasmikan seminar yang bertemakan (bagaimana kita boleh) Memperkukuhkan Mekanisme Penyampaian Program Keusahawanan FELDA.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, dunia sedang mengalami proses perubahan yang amat besar dan amat pantas. Ini bukan bererti pada masa-masa yang lalu, tiada perubahan yang berlaku. Memang dalam sejarah peradaban manusia, kita boleh melihat pelbagai perubahan yang telah membawa kesan kepada sesebuah bangsa dan sesebuah tamadun.

Perubahan ini, ada yang baik, ada yang buruk. Ada yang naik dan lepas itu turun balik dan sebagainya. Dalam kita melangkah ke hadapan, dalam millennium yang baru ini, salah satu 'characteristic' yang mungkin berbeza, berbanding dengan perubahan yang berlaku ialah perubahan yang berlaku pada peradaban manusia adalah bersifat lebih menyeluruh, dalam masa yang amat pantas dan juga menjangkau tempoh yang amat lama.

Hari ini kita melihat sesuatu kesan yang berlaku itu lebih besar impaknya dan perubahan yang berlaku dalam tempoh yang lebih pantas dan lebih singkat lagi. Ini adalah disebabkan oleh fenomena yang selalu kita sebut sebagai globalisasi. Ledakan maklumat dan segala perubahan dalam pengurusan antara satu negara dengan negara yang lain, berasaskan kepada framework regional yang mendorong kepada perkembangan yang amat menakjubkan.

Kita tidak mahu, sebagai sebuah negara, kita tidak mahu menjadi penonton atau jauh sekali, dipinggir atau terpinggir, kerana kita tidak mampu meniti gelombang perubahan yang amat besar. Bagaimana harus kita lakukan dan apa yang patut kita

lakukan supaya kita akan memastikan, dalam era baru ini, bahawa kita berjaya dengan penuh kejayaan dan kecemerlangan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin meninggalkan satu perkataan yang amat relevan kepada kita semua. Bahawa untuk kita muncul (berjaya) dalam persaingan atau perlumbaan, kita mesti menjadi lebih berdaya saing dan kompetitif. Kalau kita berada dalam zon selesa atau comfort zone, maka kita akan tewas dalam persaingan yang sengit ini nanti.

Bagaimanakah agaknya kita boleh memperkasa lagi daya saing kita? Pada pengamatan saya, kita perlu mencari jalan untuk menentukan nilai tambahan atau value add kepada apa sahaja kegiatan ekonomi yang kita lakukan sama ada FELDA Holding's, FELDA itu sendiri sehinggalah sampai kepada peneroka yang mana setiap daripada kita mesti memikir untuk memperkasa lagi daya saing kita dalam bidang tanggungjawab kita masing-masing.

Kita semua boleh menambah nilai kepada sebarang kegiatan yang kita lakukan. Kalau FELDA Holding's boleh beri nilai tambahan, FELDA melalui pengurusan menyumbang nilai tambah dan peneroka-peneroka turut boleh memberi nilai tambah, maka kita akan mendapat kedudukan dan kejayaan yang lebih besar, jauh lebih hebat dalam pada masa-masa yang akan datang. Ini bererti setiap dari kita mesti, pertama menjadi insan yang lebih produktif. Kita mesti menentukan tahap daya pengeluaran kita sentiasa bertambah. Kedua, kita mesti tentukan bahawa sumbangan kita kian meningkat dalam apa cara sekalipun dan yang ketiga, kita mesti menjadi sebahagian daripada rangkaian supply and value chain dalam pasaran global yang lebih besar. Kita jangan lihat kemampuan kita dalam sekadar lingkungan kita sahaja. Saya selalu menyebut bagi negara Malaysia, tidak memadai menjadi juara kampung sahaja. Juara kampung bukan lagi matlamat kita, tetapi menjadi juara di persada global adalah impian kita.

Saya ingin berkongsi perasaan peribadi saya dengan tuan-tuan. Dalam hidup ini, kita mencari kepuasan. Kalau kita bekerja, kita mencari kepuasan. Kalau kita pegawai kerajaan, kita mencari kepuasan. Kalau kita orang politik, kita cari kepuasan. Kalau kita berniaga, kita cari kepuasan. Bagi diri saya, ada satu dua pengalaman yang memberi kepuasan yang amat mendalam pada saya. Salah satu kepuasan yang amat bermakna ialah apabila saya membuat lawatan di United Kingdom. Sampai-sampai di lapangan terbang, orang putih buka pintu untuk saya dan orang putih itu kata "Good Morning Sir" dan saya duduk di belakang. Orang putih itu duduk di hadapan dan menjadi pemandu sedangkan saya menjadi tuan di belakang.

Mungkin kita nampak benda ini kecil sahaja, tetapi secara signifikannya, bahawa kalaulah kita sudah berjaya, orang lain yang dahulunya menjajah kita, sekarang ini dia terpaksa berkhidmat untuk kita. Pada ketika itulah kita sudah berjaya di persada antarabangsa. Mungkin belum berjaya sepenuhnya tetapi sudah nampak permulaannya. Signifikannya apa? Signifikannya, kalau kita berjaya, orang lain akan, sama ada suka atau tidak suka kena hormati kita. Bila kita berjaya, kita ada kemampuan yang lebih. Orang lain terpaksa menerima hakikat bahawa kita sudahpun berada di suatu tahap yang dia terpaksa hormati kita. Ini pendapat saya.

Dan saya nak kongsi satu lagi kepuasan diri saya yang belum sampai pada diri saya. Saya mahu bila saya masuk Harrods di London, ada barang-barang FELDA di Harrods. Saya tidak mahu melihat barang-barang dari negara lain. Saya mahu pergi ke satu kaunter itu penuh dengan barang-barang keluaran "FELDA Best". Tidak

kiralah daripada Jerangau, Besout dan sebagainya. Tetapi saya mahu lihat barang-barang yang dibuat oleh warga FELDA berjaya diterima di peringkat antarabangsa. Boleh tidak? InsyaAllah. Inilah yang akan memberi satu lagi kepuasan kepada saya (kita semua).

Sebab itu, saya hendak kita semua berfikiran besar atau think global. Kalau kita mahu menjadi bangsa yang unggul, kita tidak boleh fikir seperti rusa masuk kampung, serba salah dan rasa tidak yakin. Kita tidak boleh berjaya, melainkan kita ada keyakinan diri, bahawa kita boleh bersaing dengan yang terbaik dan kita boleh berjaya dalam persaingan tersebut.

Kita mesti ada perasaan semangat sedemikian. Tanam dalam diri tuan-tuan dan puan-puan. Jangan rasa rendah diri dalam persaingan. Dalam keadaan tertentu, elok, tidak salah. Tetapi jangan angkuh dan jangan bongkak. Tetapi pada diri kita mesti ada keyakinan diri. Jangan takut pada orang lain. Kita boleh berjaya, kalau kita dapat bersaing dengan antara yang terbaik. Ini mesti ada pada kita. Saya mahu, secara psikologinya, semua pegawai, pengurus FELDA di semua peringkat, mesti ada perasaan yang kita mesti menjadi yang terbaik di dunia.

Ada orang selalu sebut "Small is beautiful". Betul, dalam beberapa aspek "small is beautiful", tetapi saya selalu kata "big is better". Kita tidak mahu lagi jadi juara kampung. Biar orang putih segan. Saya mahu kita mencapai impian ini. Jadi melalui program ini, tuan-tuan dan puan-puanlah pencetus perubahan minda. Ini menjadi titik tolak agar impian kita menjadi kenyataan.

Mesti ada perubahan mindset. Kalau mahu sebut lebih intelektual lagi, transformasi budaya. Iaitu perubahan mindset dan sikap. Kalau tidak ada perubahan pada insan berkenaan, kita bagi apa pun, ia tidak akan berjaya. Perubahan mindset mesti datang dari kita semua. Tuan-tuan, puan-puan menjadi agen pemangkin perubahan. Oleh itu tuan-tuan, puan-puan mesti menampakkan kepada mereka yang kita ada semangat, tenaga, bermotivasi.

Kalau tuan-tuan, puan-puan ingin berjaya sebagai pemangkin kepada perubahan, tapi kita nampak moyok sahaja, tidak bersemangat sahaja, maka orang nampak kita pun tidak ceria. Kita sepatutnya bila turun padang, kita mesti bersemangat. Kita mesti melambangkan kita sebagai manusia yang boleh menjadi pemimpin ke arah perubahan mindset, budaya dan sikap yang menyeluruh. Barulah program kita berjaya.

Program kita tidak akan berjaya sekadar dengan peruntukan kewangan, dengan konsepnya, dengan bilangan kakitangannya tetapi kualiti jati diri manusia kurang. Kalau kita mahu mengubah orang lain, kita mesti berubah kepada imej baru. Orang lain akan mencontohi kita dan rasa bahawa dia juga boleh berubah. Sekurang-kurangnya orang lain segan (malu) dengan kita sebab kita menunjukkan semangat yang luar biasa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sememangnya potensi ini amat besar. Seperti kata Tan Sri Yusof Nor tadi, sasaran kita ialah 30% menjelang tahun 2005 atau 35 ribu usahawan sebagai permulaannya sahaja dan selepas itu kita mahu pencapaian sasaran yang lebih. Kita ada advantage. Apa kelebihan kita? Kita ada Rancangan FELDA yang integrated, tersusun. Kita ada organisasi. Kita ada networking dengan agensi lain. Dasar

kerajaan jelas untuk membangunkan sektor pertanian seperti yang digariskan oleh Y.A.B Perdana Menteri. Penubuhan bank baru (EKS) yang akan dilancarkan pada bulan Oktober ini dan pelbagai bantuan dana lain juga ada. Semuanya sudah mencukupi dan kita akan tambah lagi.

Kita ada advantage dan (perlu) gunakannya untuk mencapai matlamat yang telah kita tetapkan dan matlamat itu ialah supaya pendapatan peneroka ditingkatkan iaitu dengan penglibatan peneroka dalam kegiatan non farm. Sekurang-kurangnya RM600 sebulan, bagi setiap yang terlibat dengan kegiatan ini (sebagai pendapatan tambahan). Ini secara kuantitatif sahaja dan saya percaya kalau kita terlibat secara sistematik dan bersungguh-sungguh, bukan secara sampingan, saya percaya sasaran ini iaitu RM600 sebulan, pendapatan tambahan akan tercapai. Saya yakin, InsyaAllah. Kalau kita buat dengan bersungguh-sungguh, kita akan mencapai sasaran atau pun matlamat yang diutamakan kepada kita.

Saya harap tuan-tuan dan puan-puan semua, pada hari ini akan terdorong untuk mencapai wawasan ini. Akan bekerja dengan penuh semangat dedikasi untuk menjayakan matlamat ini. Saya ingin melihat apabila kita melangkah 50 tahun akan datang, kita akan memberi nafas baru kepada masyarakat FELDA dalam erti kata yang sebenarnya. Mudah-mudahan akan berlaku satu perubahan besar, transformasi yang besar dan kita sama-sama berusaha menjadikan wawasan FELDA ini sebagai kenyataan.

Terima kasih di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan. Semoga Allah akan memberkati usaha kita dengan taufik dan hidayahNya untuk kita mencapai kejayaan di atas jalan yang benar. Dengan kata yang demikian, saya merasmikan Seminar Memperkukuhkan Mekanisme Penyampaian Program Keusahawanan FELDA.

Terima kasih.